

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Kementerian Pembangunan Koperasi memandangkan usaha pembangunan ekonomi rakyat adalah penting dibangunkan secara menyeluruh dan agihan kekayaan boleh dibuat secara saksama. Kalau tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Kementerian Pembangunan Koperasi. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi sedia ada, sentiasa memastikan usaha-usaha untuk membangunkan ekonomi rakyat dan pengagihan kekayaan terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah, akan terus dilaksanakan secara berkesan serta adil lagi saksama.

Sekian, terima kasih.